



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**TAMBAHAN KETIGA KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 1/2006**

TARIKH KELUARAN: 30 JULAI 2009



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**Tambahan Ketiga kepada
Ketetapan Umum No. 1/2006
Tarikh Keluaran: 30 Julai 2009**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN
TAMBAHAN KETIGA KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 1/2006**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan pengecualian cukai ke atas elaun makan dan elaun harian untuk membiayai perbelanjaan makan yang diterima oleh pekerja berkaitan penggajiannya.
2. Perenggan 3.2.3 iii. dan Contoh 8 dalam Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No. 1/2006 yang dikeluarkan pada 25 Februari 2009 digantikan dengan perenggan dan contoh berikut:

Elaun makan yang diberi kepada pekerja untuk tujuan seperti kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan/luar negara dan sebagainya dalam melaksanakan pekerjaan bertujuan membiayai perbelanjaan makan pekerja. Elaun makan sedemikian dibayar mengikut jawatan pekerja, tugas atau tempat di mana pekerjaan itu dilaksanakan. Mana-mana elaun berhubung dengan perbelanjaan makan seperti ini adalah terjatuh dalam pengecualian ini. Begitu juga, elaun harian yang bertujuan untuk membiayai perbelanjaan makan pekerja dalam melaksanakan pekerjaannya adalah termasuk dalam pengecualian ini.

Walau bagaimanapun, elaun makan dan elaun harian tersebut hanya dikecualikan sekiranya diberikan berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekeliling atau edaran atau arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.

Contoh 8:

Kuey adalah akauntan di syarikat IT di Kuala Lumpur. Pada bulan Mac 2008 beliau telah ditugaskan ke Johor Bahru selama lima hari untuk mengaudit rekod sebuah cawangan syarikat IT tersebut. Beliau telah dibayar oleh majikan elaun luar kawasan untuk membiayai perbelanjaan makan sejumlah RM60 sehari semasa bertugas di Johor Bahru seperti mana yang diperuntukkan dalam pekeliling dalaman syarikat IT tersebut.

Kuey layak pengecualian bagi amaun elaun luar kawasan yang dibayar oleh majikannya sejumlah RM300 (RM60 x 5 hari).

3. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 1/2006 dan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**